

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[KALABAKAN]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang tuntas dan segera untuk menambah bilangan peneroka di tanah-tanah Ladang Felda di Sabah daripada jumlah 1,647 peneroka sekarang kepada tambahan 2,000 lagi peneroka baru dalam usaha Kerajaan mengatasi masalah kemiskinan di Sabah. Pertanian adalah perniagaan yang menguntungkan. Dengan usaha menambah peserta menjadi peneroka dalam Skim Felda pasti warga yang kurang beruntung mendapat peluang yang baik untuk melonjakkan pendapatan keluarga.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menghentikan pengambilan peneroka baharu di semua tanah rancangan FELDA seluruh negara mulai 1 Januari 1990. Keputusan tersebut diambil berikutan sumber kewangan yang terhad untuk membiayai pembangunan dan infrastruktur di tanah rancangan. Sebagai gantinya, pengurusan tanah rancangan yang tidak mempunyai peneroka dijadikan sebagai ladang komersil dan dikendalikan oleh FELDA untuk membiayai kos pengurusan dan pembinaan infrastruktur di tanah rancangan.

2. Namun begitu, FELDA sedang mengkaji kaedah pelaksanaan yang bersesuaian bagi menempatkan peneroka baharu di Sabah. Antara kaedah yang sedang dikaji termasuklah sistem hak milik secara kumpulan dan sistem saham. Kedua-dua sistem ini pernah diperkenalkan kepada peneroka. Walaupun kedua-dua sistem ini tidak memberikan hak milik tanah kepada peneroka, namun ianya akan memberikan pulangan pendapatan lebih tinggi.

3. Sebagai contoh, FELDA pernah membangunkan tanah ladang di Sabah berdasarkan kaedah sistem saham bagi tanah milik Koperasi Pembangunan Kaum Murut Kalabakan Berhad. FELDA telah memajukan dan membiayai kos pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan tanah serta melantik FELDA Plantations Sdn. Bhd. sebagai agen pengurusan untuk mentadbir dan menguruskan ladang tersebut. Koperasi berkenaan telah menerima keuntungan yang dibayar secara tunai dan juga saham Koperasi Permodalan FELDA Berhad. Seramai 237 ketua keluarga Murut juga diiktiraf sebagai peserta rancangan tidak bermastautin dan dibayar sejumlah keuntungan ladang setiap tahun dalam bentuk saham dan tunai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[KALABAKAN]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang tuntas untuk menggalakan dan mengujudkan perindustrian hiliran barangan akhir berasaskan sawit yang sangat perlu diusahakan oleh Felda yang sememangnya telah mendapat peruntukan tanah-tanah yang luas di Sabah yang sekarang ini lebih banyak dibangunkan sebagai ladang-ladang komersil Felda dan bukannya diperbanyakkan kegunaan untuk penyertaan peneroka-peneroka Felda. Dengan usaha ini penciptaan peluang pekerjaan dapat diusahakan dengan baik.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. FELDA sentiasa berusaha untuk memperkukuh aktiviti pertengahan dan hiliran berasaskan sawit di negeri Sabah. Sebagai contoh, FGV Holdings Berhad (FGV) mempunyai 2 fasiliti penapisan sawit iaitu Tawau Oil Products Sdn. Bhd. dan Sahabat Oil Products Sdn. Bhd. yang telah beroperasi selama 20 tahun.

2. Kedua-dua fasiliti ini merupakan kemudahan yang dibangunkan khusus untuk menyokong pembangunan dan keperluan operasi perniagaan FELDA dan FGV terutamanya dalam industri hiliran di Sabah. Kedua-dua fasiliti penapisan minyak sawit di Sabah ini juga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

3. Fasiliti penapisan minyak sawit khususnya di Tawau mengeluarkan minyak masak di bawah jenama SAJI dan Tiga Udang. Selain itu, produk-produk hiliran FGV yang lain turut diperkenalkan di pasaran Sabah seperti sos cili, santan segera, mi segera, marjerin dan sebagainya untuk menampung serta memenuhi permintaan pengguna.

4. Selain itu, melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP), sebanyak 176 projek dengan kos keseluruhan RM15.4 juta telah dilulus untuk dilaksanakan di negeri Sabah. Antara projek PPP yang akan dilaksanakan termasuk ternakan burung walit, udang kertas, cili secara fertigasi serta hab penternakan lembu pedaging secara integrasi.

5. Bagi projek hab lembu pedaging di FELDA Wilayah Sahabat, anggaran keluasan projek melibatkan 5 ribu hektar tanah dengan anggaran kemasukan lembu pada peringkat pertama sebanyak 2 ribu ekor pada September 2021. Projek tersebut disasarkan mempunyai 5 ribu ekor pada tahun ketiga projek serta pembinaan pusat pemprosesan daging yang akan memberikan nilai tambah serta peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**SOALAN**

**TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [ KALABAKAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk membina sebuah hospital baru menggantikan klinik kesihatan yang usang serta kurang kelengkapan di Pekan Kalabakan selaras dengan keperluan kesihatan masyarakat yang semakin bertambah. Kedudukan klinik kesihatan yang ada di Pekan Kalabakan adalah berjarak lebih 100 kilometer dari hospital terdekat di bandar Tawau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM msedia maklum akan keadaan KK Kalabakan dengan infrastruktur binaan kayu yang agak daif serta tidak mempunyai ruang untuk menampung kedatangan pesakit seramai 100 orang sehari.
2. Justeru, KKM di dalam proses mengenal pasti tapak yang bersesuaian untuk pembinaan KK Kalabakan yang baru. Buat masa sekarang, perkhidmatan kesihatan di Daerah Kalabakan disediakan di 3 buah klinik kesihatan.
3. Pembinaan sebuah hospital baru di daerah Kalabakan memerlukan penelitian lanjut daripada pihak Kerajaan memandangkan liputan penduduk yang rendah di daerah ini iaitu 20,650 orang. Buat masa ini, penduduk dalam situasi kecemasan, disediakan perkhidmatan helikopter atau ambulans secara percuma untuk dirujuk ke Hospital Tawau.

Sekian, terima kasih.